

DATE: 26/10/2007

BERITA HARIAN

Program literasi minda diperluas di sekolah: PM

Usaha dilaksana galak pelajar, ahli akademik berfikir lebih inovatif

BH - 26/10/2007

Oleh Azman Zakaria

PETALING JAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu program literasi minda diperluaskan ke sekolah dalam usaha memperkembangkan keupayaan berfikir, mengingat dan kemahiran kreatif di kalangan pelajar.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah memberi kebenaran untuk program itu yang dikendalikan Pergerakan Literasi Minda Malaysia (MMLM), diperkenalkan di beberapa sekolah menengah dan berharap ia akan turut dilaksanakan di sekolah luar bandar.

"Saya tidak ragu-ragu aktiviti MMLM akan membantu mendidik pelbagai lapisan masyarakat mengenai bagaimana menggunakan sepenuhnya potensi minda," katanya ketika merasmikan Festival Minda Malaysia 2007 di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di sini, semalam.

Sebelum itu, Pengerusi MMLM, Tun Dr Ling Liong Sik yang juga Pengerusi Majlis UTAR berkata, Perdana Menteri memberi kebenaran untuk MMLM melaksanakan projek perintis di beberapa sekolah bagi meningkatkan keupayaan murid menggunakan otak dan berharap ia akan diperluaskan ke seluruh negara kemudian.

Abdullah berkata, semakin banyak sumber dan penekanan diberi kepada usaha meningkatkan pendidikan di luar bandar bagi merapatkan jurang pendidikan dan ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar.


Katanya, usaha mesti digalakkan supaya pelajar dan ahli akademik berfikir secara inovatif serta mempunyai semangat keusahawanan.

"Sudah sekian lama kita menjadi pengguna kepada teknologi dan inovasi yang diimport. Kini tiba masanya untuk kita bukan saja menjadi pencipta teknologi dan inovasi, tetapi sebagai perintis cara baru dan kreatif dalam menggunakan teknologi sedia ada. Ini cabaran untuk pelajar, pensyarah dan universiti," katanya.

Katanya, kerajaan komited membuat perubahan sewajarnya dalam sistem pendidikan, meskipun sukar dan memakan belanja besar kerana faedah jangka panjangnya adalah menghasilkan modal insan berkualiti.

Bagaimanapun, katanya, sokoongan semua lapisan masyarakat penting untuk Malaysia menghasilkan modal insan berkualiti yang berkeupayaan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan.

Sehubungan itu, katanya, usaha yang dilakukan MMLM amat penting dalam meningkatkan kesedaran dan minat rakyat mengenai perlunya me-



PERMAINAN MINDA: Abdullah mencium pipi Yap Sue Jiun, 6, ketika melakukan demonstrasi memadankan permainan 'Hoppers' (permainan seperti dam) ketika melawat pameran selepas merasmikan Festival Minda Malaysia 2007 di UTAR, Petaling Jaya, semalam.

“Kini tiba masanya untuk kita bukan saja jadi pencipta teknologi, tetapi perintis cara kreatif”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

ingkatkan kemahiran kreatif, berfikir, mengingat.

"Rakyat Malaysia memangnya yang terbaik dan mempunyai kemahiran menghafal. Mereka boleh menyanyi lagu dari Bollywood walaupun tidak faham apa-apa. Ini memerlukan kemahiran," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan sedang mengambil langkah perlu bagi meningkatkan kualiti sistem pendidikan bagi memenuhi stan-

dard global dan untuk memastikan pelajar mempunyai ilmu serta kemahiran untuk berjaya dalam ekonomi berasaskan pengetahuan.

Beliau berkata, matlamat kerajaan ialah untuk mewujudkan suasana pendidikan yang menyeronokkan dengan meninggalkan secara berperingkat sistem pelajar menghafal dan menerima ilmu dari pengajar semata-mata, sebaliknya bergerak ke arah menghasilkan pelajar yang dapat berfikir.

BERNAMA